

AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

SOALAN LAZIM BERHUBUNG KEPERLUAN TAHAP PERKHIDMATAN

PERKHIDMATAN KENDERAAN PERKHIDMATAN AWAM (KERETA SEWA / KERETA SEWA DAN PANDU / TEKSI / TEKSI LAPANGAN TERBANG / TEKSI MEWAH),

PERKHIDMATAN KENDERAAN BARANGAN,

**PERKHIDMATAN KENDERAAN BARANGAN (PEREDARAN ANTARABANGSA)
(KENDERAAN BARANGAN RENTAS SEMPADAN ASEAN) DAN**

LESEN PERNIAGAAN PENGANTARAAN (KENDERAAN E-HAILING).

| Bil | Soalan | Jawapan |
|------------|---|--|
| 1 | Apakah maksud Syarat Am bagi Keperluan Tahap Perkhidmatan? | Syarat Am bagi Keperluan Tahap Perkhidmatan adalah syarat-syarat umum yang terpakai kepada semua pengendali berlesen dan pemegang lesen tanpa mengira kelas lesen. |
| 2 | Apakah maksud Syarat Khas bagi Keperluan Tahap Perkhidmatan? | Syarat Khas bagi Keperluan Tahap Perkhidmatan adalah syarat-syarat khusus yang terpakai kepada semua pengendali berlesen dan pemegang lesen berdasarkan kelas lesen yang dioperasikan. |
| 3 | Apakah maksud Perkhidmatan Kenderaan Perkhidmatan Awam, Perkhidmatan Kenderaan Barangan dan Perkhidmatan Kenderaan Pelancongan? | Maksud bagi setiap perkhidmatan tersebut boleh dirujuk melalui capaian berikut: <ul style="list-style-type: none">• Bas – https://www.apad.gov.my/perkhidmatan-apad1/pengenalan-bas1• Teksi & E-hailing - https://www.apad.gov.my/perkhidmatan/pengenalan-teksi1• Kenderaan Barangan – https://www.apad.gov.my/perkhidmatan-apad1/pengenalan-kenderaan-barangan• Kenderaan Pelancongan - https://www.apad.gov.my/perkhidmatan-apad1/kenderaan-pelancongan |
| 4 | Siapakah yang perlu mematuhi Keperluan Tahap Perkhidmatan ini? | Pengendali berlesen dan pemegang lesen yang diberikan lesen di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010. |
| 5 | Bilakah tempoh kuat kuasa Keperluan Tahap Perkhidmatan ini? | Tempoh kuat kuasa semua Keperluan Tahap Perkhidmatan adalah pada 1 Februari 2024 kecuali Perkhidmatan Kenderaan Barangan (Peredaran Antarabangsa) (Kenderaan Barangan Rentas Sempadan ASEAN) iaitu pada 1 Januari 2024. |

| Bil | Soalan | Jawapan |
|-----|---|--|
| 6 | Adakah Keperluan Tahap Perkhidmatan ini pertama kali diperkenalkan? | <p>Tidak, ianya merupakan syarat-syarat yang telah dikemaskini berdasarkan kepada keperluan perkhidmatan semasa. Syarat-syarat ini telah terpakai kepada semua pengendali berlesen dan pemegang lesen sedia ada dan ianya telah dimaklumkan kepada mereka dari semasa ke semasa apabila lesen dikeluarkan.</p> <p>Namun, ianya adalah pertama kali diperkenalkan bagi Perkhidmatan Kenderaan Barangan (Peredaran Antarabangsa) (Kenderaan Barangan Rentas Sempadan ASEAN).</p> |
| 7 | Apakah tindakan yang boleh dikenakan sekiranya pengendali berlesen dan pemegang lesen gagal mematuhi Syarat Am dan Syarat Khas berkenaan? | Sekiranya didapati bersalah, lesen yang dikeluarkan oleh APAD kepada pengendali berlesen dan pemegang lesen boleh digantung atau dibatalkan. |
| 8 | Dimanakah saya boleh mendapatkan salinan dokumen ini? | <p>Salinan dokumen ini boleh didapati melalui:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Capaian di laman sesawang APAD iaitu https://www.apad.gov.my/sumber-maklumat1/garis-panduan/keperluan-tahap-perkhidmatan; dan • Melalui kelulusan lesen atau permit kenderaan. |
| 9 | Saya mempunyai pertanyaan lanjut mengenai Keperluan Tahap Perkhidmatan. Kepada siapakah saya boleh ajukan pertanyaan ini? | <p>Pertanyaan tersebut boleh diemelkan kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bas & Bas Persiaran – bas@apad.gov.my • Kenderaan Barangan – ukb@apad.gov.my • Teksi & E-hailing – taxi@apad.gov.my |